

23/03/1998

Pembabitan rakyat belum memuaskan

KEGAWATAN ekonomi yang melanda Malaysia serta negara Asia yang lain meninggalkan kesan yang besar terhadap pasaran saham negara. Bahangnya semakin dirasakan dengan kenaikan barangan pengguna.

Sebagai usaha untuk memperteguhkan asas ekonomi negara, kerajaan mengumumkan beberapa langkah berjimat cermat melalui penangguhan beberapa projek besar di samping melakukan pemotongan ke atas perbelanjaan yang dianggap kurang bijak.

Berikutan suasana berkenaan, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan agar rakyat mengamalkan sikap berjimat cermat dan meningkatkan tabungan.

Selain daripada menabung dengan menyimpan wang di dalam bank, rakyat diseru membabitkan diri secara cergas dalam kegiatan saham. Permodalan Nasional Bhd selaku organisasi pelaburan terbesar di Malaysia menyediakan pelbagai skim saham amanah seperti Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020).

Walaupun pelbagai skim saham amanah diwujudkan, pembabitan rakyat masih tidak ditahap yang membanggakan. Sikap tidak suka menabung dan berjimat cermat adalah antara punca utama yang menyebabkan skim saham amanah kurang mendapat sambutan.

Bagaimanapun, masih belum terlewat untuk kita menanamkan sikap suka menabung. Antara skim saham amanah yang mendapat sambutan menggalakkan ialah ASB.

Skim Amanah Saham Bumiputera adalah pilihan yang bijak dan tepat jika kita ingin terus melabur dalam saham amanah yang berharga tetap, dengan pulangan dividen berpatutan dan risiko yang minimum.

Skim ASB juga adalah pemangkin dalam usaha menggalakkan masyarakat Bumiputera untuk bergiat cergas dalam kegiatan pelaburan saham demi meningkat serta mengekalkan pegangan ekuiti Bumiputera di sektor korporat.

Wujud beberapa keistimewaan melabur dalam ASB kerana ia mempunyai risiko yang minimum dan pelaburan juga selamat kerana ia dikendalikan oleh tenaga pengurusan yang profesional, amanah dan berpengalaman iaitu Amanah Saham Nasional Bhd (ASNB).

Ini dapat dibuktikan melalui pengiktirafan Sijil ISO 9002 oleh Sirim QAS Sdn Bhd kepada ASNB. ASNB membuktikan kemampuannya untuk mencapai mutu pengurusan bertaraf dunia. Hak dan kepentingan pelabur juga akan diawasi oleh Amanah Raya Bhd.

Melalui ASB juga, pelabur berpeluang membuat pelaburan di pelbagai sektor meliputi perusahaan, perladangan, perlombongan, harta benda, kewangan dan sebagainya. Untuk memudahkan pelabur, ASNB mempunyai 1,275 ejen di seluruh negara.

Selain itu, pelabur akan menerima dividen setiap tahun dan kadar pembayaran adalah bergantung kepada pulangan yang diperolehi daripada saham syarikat yang dilabur. Pembayaran dividen adalah daripada Skim ASB sendiri.

Manakala pemberian bonus bergantung kepada perkembangan nilai saham yang dilabur dan kadarnya adalah di atas budi bicara pengurusan Permodalan Nasional Bhd.

Pendapatan ASB untuk 1997 meningkat RM609.8 juta atau 21.3 peratus kepada RM3471.1 juta berbanding RM2,861.3 juta pada 1996. Ini adalah hasil daripada strategi pelaburan yang berhati-hati dan mengambil kira kesan

jangka panjang yang diambil oleh pengurus ASB dalam menghadapi perubahan harga saham yang tidak menentu.

Usaha menabung harus diteruskan sebagai langkah berjaga-jaga kerana kita tidak boleh meramal keadaan ekonomi negara. Biarlah kita mula dengan perlahan-lahan, ibarat kata pepatah 'Sikit-sikit, lama-lama jadi bukit'.

Pilihan untuk melabur dalam saham amanah adalah tindakan yang bijak kerana saham amanah diuruskan oleh mereka yang profesional. Ini menambahkan keyakinan pelabur kerana wang mereka dilaburkan dengan cara yang lebih sistematik dan meluas.

Remaja juga perlu sedar akan kepentingan melabur kerana ia penting untuk masa depan mereka. Kini, adalah masa yang paling sesuai untuk kita menilai kembali kedudukan kita di samping merangka kembali strategi untuk memaksimumkan modal yang kita miliki. Pilihan yang terbaik ialah melabur di dalam saham amanah.

(END)